

**MUBARAK Mungkin Kemuka Calon Wakili BN Pada PRU13**  
**Bernama**  
**1 April, 2012**

GEORGE TOWN, 1 April (Bernama) -- Majlis Bekas-bekas Wakil Rakyat (MUBARAK) tidak menolak kemungkinan menghantar senarai calon mereka untuk dipertimbangkan mewakili Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum ke-13.

Presidennya Datuk Seri Abdul Aziz Abdul Rahman berkata ini kerana Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak telah mengumumkan tiada had umur bagi calon BN yang akan bertanding pada pilihan raya itu.

"Memang ada di negeri tertentu di mana anggota MUBARAK yang aktif memainkan peranannya dan mereka ini boleh dipertimbangkan (sebagai calon)," katanya kepada pemberita di sini Ahad.

Katanya MUBARAK akan membuat saranan itu kepada pucuk pimpinan tertinggi BN.

Beliau sebelum itu hadir pada mesyuarat agung tahunan MUBARAK Pulau Pinang yang dirasmikan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=656261>